

21 AUG 1996

SHERATON LABUAN MENIKMATI KADAR PENGINAPAN 70 PERATUS

KUALA LUMPUR, 21 Ogos (Bernama) -- Sheraton Labuan, satu-satunya hotel bertaraf lima bintang di Wilayah Persekutuan Labuan, kini menikmati kadar penginapan 70 peratus, iaitu 15 peratus lebih tinggi daripada yang disasarkan, kata pengurus besarnya, Abid Butt hari ini.

"Kami menerima sambutan yang cukup memberangsangkan sejak ia dilancarkan secara tidak rasmi tiga bulan lalu, dan berharap sambutannya akan diteruskan terutamanya selepas pelancaran rasmi Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) yang pertama Malaysia di Labuan akhir bulan ini," katanya kepada pemberita di majlis taklimat media di sini.

Sheraton Labuan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 Ogos bersempena dengan perasmian IOFC di wilayah persekutuan itu.

Butt menyatakan hotel tersebut mampu menguasai 80 peratus daripada perkongsian pasaran sejak ia beroperasi. Kini terdapat empat buah apartmen berkonsepkan hotel bertaraf empat dan tiga bintang di Labuan.

Hotel Sheraton Labuan yang mempunyai 183 bilik, terletak berhampiran dengan pusat kewangan Labuan, menawarkan 126 bilik mewah, 44 bilik eksekutif, 12 suit perdana dan sebuah suit diraja, untuk menampung keperluan pengunjung peniaga, kata Butt.

Ia dimiliki oleh Faber Hotel Holdings Sdn Bhd dan adalah hotel yang keempat di Malaysia diuruskan oleh ITT-Sheraton Corporation yang berpangkalan di Boston.

Kata Butt ITT-Sheraton akan menguruskan tujuh buah hotel di Malaysia menjelang akhir tahun ini.

Di samping yang sebuah di Labuan, ia menguruskan dua buah hotel di Langkawi -- Sheraton Langkawi dan Sheraton Perdana -- dan sebuah di Pulau Pinang.

Tiga buah hotel lagi yang sedang dibina terletak di Subang, Kuala Lumpur dan Kuantan yang masing-masing dijadualkan siap pada Januari, Oktober dan Disember tahun depan. -- BERNAMA

ZMY MA/sia